

Kebaikan Bergotong-royong.

Bergotong-royong bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan secara bersama-sama. Banyak kebaikan yang akan kita peroleh melalui kerja bergotong-royong.

Aktiviti bergotong-royong dapat meringankan kerja-kerja yang dilakukan. Hal ini demikian kerana kerja yang dilakukan secara beramai-ramai itu tidak memerlukan tenaga yang lebih.

Selain itu, melalui aktiviti gotong-royong juga kita dapat menjimatkan masa. Ini kerana kerja-kerja yang dilakukan itu akan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang singkat.

Di samping itu, kita juga dapat mengeratkan hubungan melalui aktiviti bergotong-royong. Dengan wujudnya perhubungan yang erat maka akan lahirlah masyarakat penyayang seperti yang dihasratkan oleh pemimpin kita.

Kesimpulannya, aktiviti bergotong-royong amat berfaedah kepada kita. Oleh itu, kita perlu mempraktikkan amalan ini dalam kehidupan kita.

